

BAB 5

BAB 5

ANALISIS DATA DAN HASIL KAJIAN

5.1. ANALISIS AUDIENS

Bertepatan dengan kajian, pengkaji menggunakan faktor-faktor yang disarankan oleh Gourdan Wiethoff bagi mengetahui latar belakang audiens sebelum membuat analisis audiens. Signifikan dengan kajian, faktor saiz audiens, umur, etnik, jantina, pendidikan, pekerjaan, budaya, masa, dan tempat digunakan bagi mendapatkan data untuk menganalisis audiens.

Audiens kajian adalah di kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang merupakan pengguna akhbar. Bagi mengukuhkan dapatan kajian, pengkaji memilih responden yang harus terdiri daripada pengguna Information and Communication Technology (ICT) yang diandaikan audiens akhbar dalam talian yang dikaji. Responden juga harus terdiri daripada pelajar IPTA yang belum bekerja. Dengan demikian, soalan pertama dan kedua dalam Bahagian A set soal selidik menentukan bahawa responden adalah pengguna ICT dan pelajar. Oleh sebab itu, arahan dalam borang soal selidik berbunyi "sila abaikan soalan berikutnya sekiranya jawapan anda 'Tidak' bagi Soalan 1 dan 'Pekerja' bagi Soalan 2". Ini bertujuan memastikan hanya responden yang terdiri daripada pelajar dan pengguna ICT yang menjawab soalan soal selidik berikutnya dan seterusnya tidak merugikan masa responden dan pengkaji.

Responden kajian adalah pelajar Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang sedang mengikuti pengajian peringkat sarjana muda, sarjana, dan doktor falsafah – merujuk

kepada faktor masa dan tempat yang disarankan Gourdan bagi mengetahui latar belakang audiens.

Saiz responden kajian ditetapkan oleh pengkaji iaitu berjumlah 100 orang. Responden kajian terdiri daripada dua kumpulan pelajar yang berbeza bidang pengajian, 50 orang responden ditetapkan oleh pengkaji di kalangan pelajar aliran sains sosial dan selebihnya (50 orang) pelajar aliran pengajian Islam. Pemilihan responden sebegini bertujuan melihat reaksi pelajar yang menjadi audiens akhbar yang dikaji iaitu *Harakah* dan *Harakahdaily*. Diandaikan bahawa pelajar aliran pengajian Islam yang rata-ratanya dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya cenderung memilih membaca akhbar terbitan parti pembangkang. Bagi mendapatkan reaksi daripada audiens akhbar terhadap prinsip-prinsip penerbitan yang menjadi aspek penting kajian, responden aliran sains sosial yang mengambil kursus Perekaan dan Pengeluaran Buku di Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya diberi keutamaan sebagai responden kajian. Sebahagian responden yang dipilih diandaikan terdedah kepada aspek penerbitan seperti prinsip-prinsip reka bentuk, tipografi, elemen-elemen multimedia, dan sebagainya yang signifikan dengan kajian ini.

Ternyata daripada pemilihan responden menunjukkan pengkaji hanya memilih audiens akhbar yang menggunakan akhbar cetak dan akhbar dalam talian yang signifikan dalam kajian ini. Pemilihan responden yang memiliki pengetahuan tentang aspek reka bentuk akan dapat memberi reaksi terhadap penggunaan akhbar yang diperlukan dalam kajian ini.

Menepati aspek kajian media iaitu kajian terhadap khalayak, seramai 100 orang responden yang merupakan audiens akhbar cetak dan akhbar dalam talian menjawab set

soal selidik. Interpretasi data mendapati faktor jantina menjadi aspek yang amat tidak seimbang antara lelaki dan perempuan. Hanya 20% responden terdiri daripada lelaki. Selebihnya iaitu 80% adalah terdiri daripada perempuan. Fenomena ini memang dijangkakan memandangkan statistik pihak Universiti Malaya menunjukkan pelajar perempuan melebihi lelaki. Keadaan ini juga berlaku di IPTA yang lain. Statistik ini juga bertepatan dengan keadaan pelajar kursus Perekaan dan Pengeluaran Buku yang menunjukkan hanya terdapat 16 orang sahaja pelajar lelaki daripada 95 orang pelajar yang mengambil kursus tersebut pada sesi pengajian 2001/2002, iaitu dengan nisbah 1:6.

Jadual 5.1 : Profil Demografi Audiens

Demografi Am	Peratus (%)	Jumlah (%)
Jantina		
Lelaki	20	
Perempuan	80	100
Etnik		
Melayu	74	
Cina	16	
India	5	
Lain-lain	5	100
Umur		
21 tahun	8	
22 tahun	30	
23 tahun	36	
24 tahun	16	
25 tahun	5	
26 tahun	2	
27 tahun	3	100
Pendidikan		
Diploma	0	
Ijazah (Digree)	96	
Sarjana (Master)	3	
Doktor Falsafah (PhD)	1	100

Data dari segi umur yang dikumpul menunjukkan responden berumur di antara 21 hingga 27 tahun. Responden teramai berumur 23 tahun iaitu 36 orang, kedua teramai berumur 22 tahun iaitu 30 orang yang mewakili sebahagian pelajar kursus AKEA2305: Perekaan dan Pengeluaran Buku yang berada pada tahun kedua pengajian dengan andaian

pelajar mula memasuki UM pada umur 21 tahun. Peratusan jumlah responden mengikut umur yang lain ialah 8% berumur 21 tahun, 16% berumur 24 tahun, 5% berumur 25 tahun, 2% berumur 26 tahun, dan 3% berumur 27 tahun. Pelajar berusia 26 tahun ke atas mewakili 3 orang pelajar sarjana dan seorang pelajar doktor falsafah (PhD) yang menjadi responden kajian.

Dilihat dari segi etnik, majoriti terdiri daripada pelajar berketurunan Melayu iaitu 74% daripada keseluruhan responden. Keadaan ini disebabkan keseluruhan responden dalam bidang pengajian Islam (50 orang) terdiri daripada kaum Melayu yang beragama Islam. Kaum Cina mewakili 16% manakala 5% berketurunan India. Selebihnya iaitu 5% lagi lain-lain mewakili pelajar suku kaum dari Sabah dan Sarawak.

Dari segi taraf pendidikan, majoriti responden adalah di kalangan pelajar ijazah iaitu 96%. Hanya 3% pelajar peringkat sarjana menjadi responden kajian ini dan selebihnya 1% merupakan pelajar doktor falsafah.

5.2. PROFIL AUDIENS

Profil audiens dapat memberi sebahagian daripada gambaran khalayak sasaran akhbar cetak maupun akhbar dalam talian kerana mempunyai akses Internet di IPTA. Untuk perbandingan, pengkaji meneliti profil audiens untuk mengetahui penggunaan akhbar cetak dan akhbar dalam talian.

Jadual 5.2 : Jumlah Penggunaan Audiens Akhbar Cetak dan Akhbar Dalam Talian

	Akhbar Cetak (%)	Akhbar Dalam Talian (%)	Akhbar Cetak & Akhbar Dalam Talian (%)
Guna	96	75	71
Tidak Guna	4	25	29*
Jumlah	100	100	100

* Tidak guna kedua-dua edisi akhbar tetapi hanya menggunakan akhbar cetak atau akhbar dalam talian.

Seramai 96 orang daripada 100 orang audiens akhbar yang menjadi responden kajian menggunakan akhbar cetak. Seramai 75 orang daripada 100 orang audiens akhbar yang menjadi responden kajian menggunakan akhbar dalam talian. Daripada analisis data yang dibuat, seramai 71 orang daripada 100 orang responden menggunakan kedua-dua edisi akhbar yakni akhbar cetak dan akhbar dalam talian.

Selebihnya 29 orang responden hanya menggunakan satu edisi akhbar sama ada akhbar cetak atau akhbar dalam talian yakni 4 orang tidak menggunakan akhbar cetak tetapi menggunakan akhbar dalam talian manakala 25 orang tidak menggunakan akhbar dalam talian tetapi menggunakan akhbar cetak sebagai sumber berita dan maklumat terkini. Semua responden yakni seramai 100 orang terdiri daripada pengguna akhbar sama ada menggunakan akhbar cetak ataupun akhbar dalam talian sebagai sumber untuk mendapatkan berita dan maklumat terkini.

Kekerapan audiens membaca akhbar dipecahkan kepada tujuh pilihan berdasarkan kepada yang membaca sekali dalam seminggu sehinggalah yang membaca setiap hari. Seramai 23% daripada responden menyatakan bahawa mereka membaca akhbar setiap hari iaitu peratusan tertinggi. Selebihnya, 22% membaca akhbar dua kali seminggu, 16%

sekali seminggu, 14% masing-masing 3 dan 4 kali seminggu, 6% lima kali seminggu, dan 5% enam kali seminggu. Daripada pecahan ini didapati ramai pelajar meluangkan masa membaca akhbar setiap hari. Ini berkemungkinan disebabkan hambatan keperluan mencari maklumat untuk tujuan pembelajaran terutamanya membuat tugas akademik.

Jadual 5.3 : Kekerapan Pembacaan Akhbar dalam Seminggu

Kekerapan	Peratus (%)
Sekali seminggu	16
Dua kali seminggu	22
Tiga kali seminggu	14
Empat kali seminggu	14
Lima kali seminggu	6
Enam kali seminggu	5
Tiap-tiap hari	23
Jumlah	100

Soalan berstruktur atau tertutup dirangka bagi menentukan masa yang diperuntukkan untuk membaca akhbar dalam satu-satu masa. Sebanyak empat pilihan jawapan dinyatakan iaitu kurang daripada 15 minit sehari, antara 15 hingga 30 minit sehari, antara 30 hingga 60 minit sehari, dan lebih daripada satu jam sehari.

Jadual 5.4 : Masa Pembacaan Akhbar dalam Sehari

Masa	Peratus (%)
Kurang 15 minit sehari	24
15 - 30 minit sehari	65
30 -60 minit sehari	8
Lebih daripada 1 jam sehari	3
Jumlah	100

Peratusan tertinggi bagi masa yang diambil oleh responden membaca akhbar dalam sehari adalah 65% mewakili masa di antara 15 hingga 30 minit. Kedua tertinggi adalah 24% daripada responden membaca akhbar kurang 15 minit dalam sehari. Dapatan kajian menunjukkan pelajar IPTA tidak memperuntukkan masa yang lama membaca akhbar dalam sehari. Hambatan pembelajaran dan aktiviti di kampus memungkinkan masa yang diambil untuk tujuan memperoleh berita dan maklumat terkini melalui akhbar berkurangan dalam sehari.

Daripada 100 orang responden, seramai 24 orang hanya membaca akhbar 15 minit sahaja dalam sehari. Dalam masa 15 minit, pelajar mungkin hanya dapat membaca berita ringkas, menatap gambar dan membaca kapsyenya, atau hanya membaca tajuk berita dan tajuk kecil atau *deck*. Dalam masa 15 minit (tidak termasuk masa untuk memuat turun laman akhbar dalam talian), pelajar hanya mampu menatap halaman pertama akhbar dalam talian tanpa mampu menerokai halaman lain atau pautannya bergantung kepada cepat atau lambat memuat turun halaman.

Peratusan yang terlalu kecil bagi masa yang diambil untuk membaca akhbar dalam sehari oleh responden menunjukkan pelajar IPTA tidak mengambil berat isu-isu

terkini melalui pembacaan akhbar. Mungkin pelajar memperoleh berita dan maklumat terkini melalui berita di televisyen. Ini jelas dengan data kajian hanya menunjukkan 8% sahaja responden membaca akhbar di antara 30 hingga 60 minit dalam sehari manakala lebih daripada satu jam sehari hanya 3% atau 3 orang sahaja daripada 100 orang responden.

Jadual 5.5 di bawah menunjukkan akhbar dalam talian yang pernah dilawati oleh responden kajian ini. Adalah dinyatakan bahawa setiap responden dalam set soal selidik dibenar memilih lebih daripada satu laman akhbar dalam talian yang pernah dilawati.

Jadual 5.5 : Akhbar Dalam Talian yang Pernah Dilawati

Akhbar Dalam Talian	Peratus (%)
http://www.emedia.com.my	19
http://www.utusan.com.my	85
http://www.thestar.com.my	17
http://www.sinchew-i.com	9
http://www.chinapress.com.my	9
http://www.malaysiakini.com	37
http://www.cnn.com	12
http://www.washingtonpost.com	1
http://www.nytimes.com	0
http://www.bbc.co.uk	6
Lain-lain	5

Lain-lain akhbar dalam talian yang dilawati responden ialah <http://www.straitimes.com>, <http://www.newsweek.com>, <http://www.kumudam.com>, dan <http://www.nstp.com.my> (2

orang). Pengkaji tidak menyenaraikan akhbar dalam talian yang dikaji iaitu *Berita Harian Online* dan *Harakahdaily* kerana ditanya dalam Soalan 7 set soal selidik.

Akhbar dalam talian *Utusan Online* (<http://www.utusan.com.my>) paling popular di kalangan audiens akhbar yang dikaji. Ini terbukti dengan seramai 85% responden pernah melawat akhbar berkenaan. Kemungkinan besar Portal Pendidikan Utusan yang diperkenalkan pada tahun 2001 menarik minat audiens akhbar yang berstatus pelajar melawat akhbar tersebut.

Daripada 10 akhbar dalam talian yang disenaraikan dalam set soal selidik (tidak termasuk lain-lain), akhbar *Malaysiakini* (<http://www.malaysiakini.com>) menduduki tempat kedua paling popular dengan 37% responden kajian pernah melawat akhbar tersebut yang merupakan satu-satunya akhbar di Malaysia yang hanya memiliki satu edisi sahaja yakni tidak memiliki edisi cetak. Lain-lain akhbar yang diterbitkan di Malaysia bermula dengan edisi cetak sebelum dilancarkan edisi dalam taliannya. Akhbar dalam talian kumpulan *The New Strait Times Press* (NSTP) iaitu <http://www.emedia.com.my> ketiga popular dengan 19% responden pernah melawat akhbar berkenaan. Ini diikuti akhbar dalam talian *The Star* (<http://www.thestar.com.my>) dengan 17% yang rata-rata dilawati pelajar berketurunan Cina. Dua akhbar dalam talian berbahasa Cina yang menjadi pilihan pelajar berketurunan Cina ialah *sinchew-i* (<http://www.sinchew-i.com>) dan *chinapress.com* (<http://chinapress.com.my>) dengan peratus yang pernah melawat adalah 9% masing-masing. Akhbar dalam talian antarabangsa yang pernah dilawati responden kajian ialah *cnn.com* (<http://www.cnn.com>) iaitu yang tertinggi peratusannya (12%) diikuti *bbc.com* (<http://www.bbc.co.uk>) dengan hanya 6%, dan *washingtonpost.com* (<http://www.washingtonpost.com>) dengan 1%. Manakala

newyorktimes.com (<http://www.nytimes.com>) yang turut disenaraikan dalam set soal selidik tidak ada seorangpun yang pernah melawatnya.

Jadual 5.6 menunjukkan pilihan utama responden dalam menggunakan akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Pilihan kedua-dua edisi yakni akhbar cetak dan akhbar dalam talian juga dinyatakan dalam set soal selidik. Hasil analisis data mendapati separuh daripada jumlah responden yakni 50% memilih akhbar cetak sebagai pilihan utama sementara itu hanya 5% memilih akhbar dalam talian. Ini secara ringkas dapat dinyatakan bahawa media cetak atau konvensional masih mendahului media elektronik yang berasaskan Internet memandangkan penggunaan penerbitan elektronik ini memerlukan perkakasan teknologi maklumat seperti komputer dan talian telefon untuk beroperasi. Sementara itu, kekuatan penerbitan konvensional khususnya akhbar cetak yang boleh di bawa ke mana-mana, lebih murah dan mudah didapati menjadi faktor kepopularannya.

Namun, statistik kajian yang menunjukkan 45% memilih kedua-dua edisi akhbar yakni akhbar cetak dan akhbar dalam talian menunjukkan bahawa generasi yang berumur 20 tahun dan ke atas terdedah dan menggunakan Internet sebagai sumber maklumat dan komunikasi. Kekuatan akhbar dalam talian yang melampaui sempadan negara dalam memperoleh maklumat tidak terpinggir di negara ini terutamanya di kalangan pelajar. Penggunaan akhbar dalam talian terbitan luar negara seperti cnn.com dan bbc.com (Jadual 5.5) oleh 21% responden dalam kajian ini menunjukkan pelajar IPTA melawat akhbar dalam talian untuk mendapatkan maklumat luar negara atau antarabangsa.

Jadual 5.6 : Pilihan Penggunaan Akhbar Mengikut Edisi Akhbar

Edisi Akhbar	Peratus (%)
Akhbar Cetak	50
Akhbar Dalam Talian	5
Kedua-dua Edisi Akhbar	45
Jumlah	100

Seramai 45 orang daripada 100 responden kajian memilih menggunakan akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Ini menunjukkan kedua-dua edisi akhbar menjadi pilihan hampir separuh daripada responden kajian. Keadaan ini merujuk kepada kandungan akhbar cetak dan akhbar dalam talian ada yang berbeza, yakni tidak semua berita di dalam akhbar cetak ada di dalam akhbar dalam talian. Sementara itu, berita di dalam *Harakahdaily* tidak semuanya sama dengan akhbar *Harakah* memandangkan edisi dalam taliannya dikemaskini secara harian manakala edisi cetaknya hanya terbit dua kali sebulan (pada 1hb. dan 15hb. setiap bulan). Oleh itu, audiens akhbar tersebut dapat maklumat terkini hanya melalui akhbar dalam talian. Oleh sebab itu, dalam konteks akhbar lidah rasmi Parti Islam SeMalaysia (PAS) ini, audiensnya memilih kedua-dua edisi untuk memperoleh berita dan maklumat terkini.

Jaduan 5.7 menunjukkan peratusan responden yang pernah melawat akhbar dalam talian yang dikaji iaitu *Berita Harian Online* dan *Harakahdaily*.

Jadual 5.7 : Peratusan yang Pernah Mengakses Akhbar *Berita Harian Online* dan *Harakahdaily*

	Pernah (%)	Tidak Pernah (%)	Jumlah (%)
<i>Berita Harian Online</i>	65	35	100
<i>Harakahdaily</i>	53	47	100

Daripada kedua-dua akhbar dalam talian yang dikaji, peratusan yang pernah melawat *Berita Harian Online* lebih tinggi daripada *Harakahdaily*. Sejumlah 65 orang daripada 100 orang responden pernah melawat *Berita Harian Online* berbanding 53 orang bagi *Harakahdaily*. Peratusan bagi akhbar *Harakahdaily* lebih kecil disebabkan oleh etnik berketurunan Cina (seramai 16%) yang tidak melawat akhbar tersebut kecuali seorang. Demikian juga etnik berketurunan India 5% dan lain-lain 5% tidak pernah melawat *Harakahdaily* yang bersifat kepartian.

5.3. PENGGUNAAN AUDIENS AKHBAR

Bahagian C dalam set soal selidik yang meninjau penggunaan audiens akhbar merupakan soalan berbentuk skala likert lima mata yakni 1 untuk Sangat Setuju, 2 untuk Setuju, 3 untuk Berkecuali, 4 untuk Tidak Setuju, dan 5 untuk Sangat Tidak Setuju.

Akhbar cetak sudah sinonim dengan kehidupan pelajar sebagai sumber utama maklumat semasa. Namun, teknologi berasaskan Internet membawa fenomena atau *trend* baru yang menyaingi peranan akhbar cetak. Walau bagaimanapun, sesuatu yang baru sukar diterima tambahan pula penggunaannya memerlukan kemahiran mininum tertentu, keupayaan pengoperasian, dan kemudahan tertentu yang lengkap. Oleh yang demikian, tinjauan melalui alat ukur kajian yakni soal selidik perlu bagi mendapatkan data-data

tahap penggunaan responden akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Kajian ini juga meninjau *trend* penggunaan kedua-dua penerbitan ini, kecenderungan responden memilih akhbar cetak atau akhbar dalam talian dalam kehidupan pelajar di kampus serta kemudahan yang disediakan untuk mengakses Internet seterusnya melawat akhbar dalam talian.

Jadual 5.8 : Pilihan Penggunaan Audiens Akhbar Cetak dan Akhbar Dalam Talian

PERKARA	1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)
Menggunakan akhbar cetak	43	51	2	3	1
Menggunakan akhbar dalam talian	12	53	25	9	1

Merujuk kepada Jadual 5.8, *trend* penggunaan akhbar di kalangan pelajar IPTA lebih cenderung kepada akhbar cetak dengan dapatan kajian menunjukkan 43% sangat setuju menggunakan akhbar cetak berbanding hanya 12% akhbar dalam talian. Lebih daripada separuh responden memilih skala likert kedua yakni setuju menggunakan akhbar cetak (51%) dan akhbar dalam talian (53%). Ini menunjukkan bahawa audiens akhbar di kalangan pelajar menggunakan kedua-dua jenis akhbar iaitu akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Keadaan ini disokong dengan peratusan tidak setuju dan sangat tidak setuju amat rendah bagi kedua-dua penerbitan yakni hanya 4% bagi akhbar cetak dan 10% bagi akhbar dalam talian. Daripada peratusan tidak setuju kedua-duanya, hanya 1% responden memilih sangat tidak setuju. Peratusan ini mewakili seorang responden yang sangat tidak setuju menggunakan akhbar cetak yakni tidak menggunakan akhbar cetak tetapi menggunakan akhbar dalam talian. Dan seorang lagi memilih jawapan sangat tidak setuju

menggunakan akhbar dalam talian tetapi menggunakan akhbar cetak. Kedua-dua responden ini merupakan orang yang berbeza tetapi merupakan pengguna akhbar, sama ada akhbar cetak atau akhbar dalam talian. Hanya 2% responden memilih berkecuali bagi akhbar cetak dan 25% bagi akhbar dalam talian.

Analisis data menunjukkan 94 orang daripada 100 orang responden bersetuju (dengan jawapan setuju dan sangat setuju) menggunakan akhbar cetak. Sementara itu, 65 orang responden bersetuju menggunakan akhbar dalam talian. Ini menunjukkan bahawa *trend* penggunaan audiens akhbar oleh pelajar IPTA agak seimbang yakni menggunakan kedua-dua edisi akhbar cetak dan akhbar dalam talian.

5.3.1. Analisis Penggunaan Audiens Akhbar Dalam Talian

Penggunaan akhbar dalam talian memerlukan pengetahuan minimum pengoperasian komputer dan pendedahan kepada ICT – keperluan yang perlu ada dalam diri audiens akhbar selain minat dan tujuan lain. Selain itu, penyediaan kemudahan mengakses Internet mempengaruhi penggunaan akhbar dalam talian. Dalam konteks kajian, kemudahan mengakses Internet merujuk kepada penyediaan komputer multimedia yang ada capaian Internet oleh pihak IPTA dan kafe siber di dalam dan di luar kampus yang mempunyai akses Internet.

Jadual 5.9 : Penggunaan Audiens Akhbar Dalam Talian

PERKARA	1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)
Menggunakan akhbar dalam talian kerana mudah mendapat kemudahan Internet	24	46	18	9	3
Memilih akhbar dalam talian kerana lebih menarik, interaktif, dan tidak membosankan	18	48	24	9	1
Dapat memperoleh maklumat terkini dengan pantas melalui akhbar dalam talian	29	49	16	5	1
Menggunakan akhbar dalam talian kerana minat dan keperluan pembelajaran	24	52	20	3	1
Boleh mendapat maklumat dalam dan luar negara	30	54	11	4	1
Akhbar dalam talian lambat untuk dimuat turun (download)	11	64	20	4	1
Masalah melawat akhbar dalam talian disebabkan <i>server down</i>	29	49	15	7	0
Laman akhbar dalam talian tidak mesra pengguna dari aspek pengemudian dan lain-lain	7	40	34	18	1
Akhbar dalam talian tidak mengguna elemen multimedia dengan baik	5	35	43	16	1

Kajian penggunaan audiens akhbar dalam talian menunjukkan bahawa 70% responden bersetuju menyatakan bahawa mereka menggunakan akhbar dalam talian

kerana mudah mendapat kemudahan mengakses Internet. Daripada peratusan bersetuju tersebut, 24% daripadanya sangat setuju, 9% tidak setuju dan hanya 3% sangat tidak setuju sementara selebihnya 18% berkecuali dengan soalan tinjauan tersebut. Peratusan yang menyatakan tidak setuju yakni hanya 12% adalah terlalu sedikit untuk menyatakan kegagalan penyediaan kemudahan mengakses Internet di IPTA.

Analisis jelas menunjukkan bahawa penyediaan kemudahan mengakses Internet yang baik di IPTA untuk penggunaan para pelajarnya. Dapatan ini bertepatan dengan usaha pihak kerajaan dan pihak IPTA menyediakan komputer multimedia yang mempunyai capaian Internet di makmal-makmal komputer.

Maka, pelajar IPTA yang mempunyai pengetahuan menggunakan komputer, terdedah kepada ICT dan kemudahan mengakses Internet yang tersedia di IPTA merupakan pekej penting membawa kepada penggunaan akhbar dalam talian.

Walaupun dapatan kajian menunjukkan pelajar IPTA menggunakan ICT dan kejayaan pihak IPTA menyediakan kemudahan capaian Internet yang baik, beberapa masalah yang dihadapi pelajar daripada hasil kajian ini menjadi hambatan kepada penggunaan akhbar dalam talian.

Salah satu masalah yang dihadapi oleh responden dalam menggunakan akhbar dalam talian adalah disebabkan *server down*. Seramai 78% responden menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah dalam menggunakan akhbar dalam talian disebabkan *server down*, hanya 7% responden tidak setuju, 16% berkecuali. Daripada peratusan bersetuju tersebut (78%), 29% sangat setuju dengan pernyataan masalah ini. Analisis jelas menggambarkan betapa masalah ini sering dihadapi pelajar yang

mengganggu pengaksesan Internet seterusnya membantutkan usaha menggunakan akhbar dalam talian.

Satu lagi masalah yang dihadapi audiens akhbar dalam talian yang menjadi responden kajian adalah lambat untuk dimuat turun (download). Kelambatan memuat turun sesebuah laman akhbar dalam talian dipengaruhi keupayaan komputer, berapa ramai pengguna (users) dalam satu-satu masa, dan keberatan halaman pertama akhbar dalam talian.

Analisis kajian menunjukkan 75% responden bersetuju proses memuat turun akhbar dalam talian yang lambat membantutkan usaha melawat serta mematikan minat menerokai akhbar dalam talian. Hanya 5% responden tidak bersetuju dan 5% lagi berkecuali menunjukkan proses memuat turun yang lambat menjadi penyumbang kepada aspek kekurangan yang ada dalam akhbar dalam talian yang harus diambilkira oleh penyedia kemudahan Internet yakni pihak Universiti dalam konteks kajian dan juga penerbit akhbar dalam talian iaitu pengusaha media yang menyediakan edisi akhbar dalam talian. Penyediaan komputer yang berkeupayaan tinggi perlu disediakan oleh pihak terbabit.

Kajian penggunaan audiens akhbar dalam talian menghasilkan satu dapatan kajian tentang kelebihan yang dimiliki akhbar edisi ini berbanding akhbar cetak. Kelebihan paling ketara dimiliki akhbar-dalam talian ialah boleh mendapatkan maklumat dalam dan luar negara dengan 84% responden bersetuju, 30% daripadanya sangat setuju. Seramai 12 orang daripada 100 orang responden kajian ini pernah melawat akhbar dalam talian antarabangsa iaitu <http://www.cnn.com>. Ini menunjukkan bahawa pelajar IPT

menggunakan akhbar dalam talian untuk mendapatkan maklumat luar negara, satu kelebihan yang tidak dimiliki akhbar cetak.

Majoriti responden yakni 66% memilih akhbar dalam talian kerana ia lebih menarik, interaktif, dan tidak membosankan. Hanya 10% tidak bersetuju dan selebihnya (24%) berkecuali. Satu lagi kelebihan yang ada dalam edisi akhbar dalam talian ialah dapat memperoleh maklumat terkini dengan pantas. Seramai 78% responden bersetuju dengan 29% daripadanya sangat setuju. Keputusan kajian ini mungkin lebih tepat merujuk kepada akhbar dalam talian *Harakahdaily* yang dikemaskini setiap hari dengan berita terkini. Audiens akhbar ini yang diwakili oleh 53% daripada responden kajian memperoleh berita dan maklumat terkini melalui *Harakahdaily* kerana penerbitan akhbar cetak *Harakah* hanya terbit dua kali sebulan. Oleh itu, *Harakahdaily* lebih bersifat akhbar harian dengan perubahan kandungan berita setiap hari berbeza dengan akhbar cetak *Harakah*.

Responden yang mengguna akhbar dalam talian untuk keperluan pembelajaran juga tinggi iaitu 76% responden bersetuju, dengan 24% sangat setuju. Hanya seorang yang memilih jawapan sangat tidak setuju menunjukkan bahawa tujuan penggunaan akhbar dalam talian oleh pelajar lebih bersifat pembelajaran.

Merujuk kepada Jadual 5.9, majoriti responden (iaitu lebih daripada 60%) bersetuju menyatakan bahawa penyediaan capaian Internet yang mudah didapati dan kelebihan-kelebihan yang dimiliki telah mendorong dan mempengaruhi pilihan mereka menggunakan akhbar dalam talian. Tahap penggunaan akhbar dalam talian di kalangan responden adalah tinggi dan tahap kesedaran kelebihan medium baru ini juga tinggi seperti menggunakan akhbar dalam talian untuk tujuan pembelajaran, bukan sekadar

membaca berita sahaja. Ini jelas dapat dilihat dengan lebih daripada separuh responden (76%) menggunakan akhbar dalam talian untuk memperoleh maklumat untuk tujuan pembelajaran. Pecahan berdasarkan skala likert yang digunakan ialah 24% sangat setuju, 52% setuju, hanya 6% tidak setuju menggunakan akhbar dalam talian untuk tujuan pembelajaran dengan hanya 1% daripadanya sangat tidak setuju manakala 20% berkecuali.

Kekurangan akhbar dalam talian yang dapat dikenalpasti hasil analisis dapatan kajian adalah berkaitan dengan pembinaan laman akhbar dalam talian tersebut yang kurang dari aspek prinsip reka bentuk seperti pengemudian, penggunaan elemen-elemen multimedia dengan berkesan selain masalah lambat untuk dimua turun dan *server down*.

Seramai 47% responden bersetuju bahawa laman akhbar dalam talian tidak mesra pengguna seperti aspek pengemudian yang lemah dengan 7% daripadanya memilih jawapan sangat setuju. Namun, 19% responden tidak bersetuju dengan kenyataan di atas dengan 1% responden menjawab sangat tidak setuju. Peratusan yang menjawab berkecuali juga agak ramai iaitu 34% daripada keseluruhan responden. Daripada analisis yang dijalankan, aspek mesra pengguna akhbar dalam talian seperti pengemudian terlalu baru dan sukar dinilai, tambahan pula ia berbeza dengan akhbar cetak yang dilihat helaian demi helaian. Jawapan berkecuali yang agak ramai (34%) jelas menunjukkan aspek ini agak asing bagi kebanyakan responden kajian terutamanya pelajar bidang pengajian Islam.

Kekuatan akhbar dalam talian adalah elemen multimedia yang menggabungkan teks, grafik, audio, video, dan animasi. Penggunaan video dan animasi akan dapat menarik minat pelawat akhbar dalam talian. Namun, penggunaan kedua-dua elemen ini

akan memberatkan dan menyebabkan lambat untuk dimuat turun. Oleh itu, kebanyakan pereka bentuk akhbar dalam talian tidak memasukkan kedua-dua elemen tersebut. Keadaan ini mungkin menyokong dapatan analisis kajian dengan 40% responden bersetuju menyatakan bahawa akhbar dalam talian tidak mengguna elemen-elemen multimedia secara berkesan. Daripada peratusan tersebut, 5% responden menjawab sangat setuju melebihi jawapan sangat tidak setuju yang hanya 1% sahaja. Walau bagaimanapun, jawapan berkecuali sangat tinggi iaitu 43% menunjukkan bahawa mungkin ramai di kalangan responden kajian agak asing dengan elemen-elemen multimedia yang dimaksudkan pengkaji. Temu bual secara bersemuka akan dapat menyokong kajian aspek ini.

5.3.2. Analisis Penggunaan Audiens Akhbar Cetak

Jadual 5.10 menunjukkan penggunaan akhbar cetak oleh audiens akhbar. Majoriti responden bersetuju menyatakan bahawa mereka menggunakan akhbar cetak berbanding akhbar dalam talian untuk memperoleh lebih banyak berita dan maklumat, isu-isu dan gambar atau visual lain yang menarik. Peratusan bersetuju mencecah angka 62% berbanding hanya 16% responden tidak bersetuju, selebihnya (22%) berkecuali. Daripada peratusan bersetuju, 16% daripada responden sangat setuju dengan kenyataan yang diberikan oleh pengkaji.

Jadual 5.10 : Penggunaan Audiens Akhbar Cetak

PERKARA	1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)
Mudah dibawa dan dibaca di mana-mana saja	30	57	10	2	1
Memperoleh lebih maklumat dan berita	16	46	22	13	3
Mudah dibaca tanpa gangguan seperti bekalan elektrik terganggu dan sebagainya	31	50	10	8	1
Mendapatkan maklumat tentang iklan	15	55	23	5	2

Dapatan kajian bertepatan dengan situasi sebenar yang berlaku dalam organisasi media iaitu penerbit akhbar cetak di negara kita yang rata-ratanya menggunakan berita akhbar cetak untuk edisi dalam taliannya tetapi tidak semua *dionlinekan*. Gambar menarik dalam akhbar cetak tidak semua dapat dimasukkan ke dalam akhbar dalam talian lantaran hambatan lambat dimuat turun. Sementara itu, iklan di dalam akhbar dalam talian tidak dapat menyaingi keberkesanan akhbar cetak. Masih tidak ada keyakinan di kalangan syarikat untuk mengiklankan produk dan perkhidmatan mereka di dalam akhbar dalam talian. Malah, isu-isu, rencana-rencana, dan perspektif tertentu tiada dalam akhbar dalam talian. Oleh itu, audiens akhbar yang memerlukan lebih bahan bacaan akan memilih menggunakan akhbar cetak.

Akhbar cetak masih berkuasa sebagai raja penyebaran maklumat dengan kelebihan yang ada berbanding dengan akhbar dalam talian. Kekurangan iklan atau tidak ada langsung iklan di dalam akhbar dalam talian menunjukkan tiada keyakinan syarikat

terhadap keberkesanan proses pemasaran produk dan perkhidmatan mereka dalam akhbar dalam talian berbanding akhbar cetak.

Dapatan kajian mendapati 70% daripada responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka menggunakan akhbar cetak untuk mendapatkan maklumat tentang iklan. Hanya 7% sahaja tidak bersetuju termasuk 2% sangat tidak setuju, selebihnya 23% berkecuali. Ternyata daripada dapatan kajian menunjukkan audiens akhbar yang dikaji iaitu pelajar IPTA mengambil perhatian kepada iklan di akhbar-akhbar cetak.

Kelebihan yang ada dalam akhbar cetak berbanding akhbar dalam talian menjadi penentu penggunaan akhbar cetak oleh audiens. Akhbar cetak boleh dibaca dan dibawa ke mana-mana sahaja tanpa perlu alat teknikal dan gangguana lain seperti bekalan elektrik terganggu dan sebagainya. Para pelajar sebagai audiens dalam kajian ini tidak mempunyai keupayaan memiliki alat canggih untuk mengakses Internet selain komputer peribadi (PC) di makmal-makmal komputer, kafe siber atau PC di rumah. Maka, ini menjadi hambatan penggunaan akhbar dalam talian disebabkan gangguan mengakses Internet. Kelebihan akhbar cetak yang tidak memerlukan alat untuk menggunakannya, tanpa perlu bekalan elektrik untuk mengoperasikannya membolehkan akhbar cetak dibawa dan dibaca di mana-mana saja menjadi kekuatan yang masih tidak dapat ditandingi akhbar dalam talian. Perlu ditegaskan bahawa kajian ini hanya memberi tumpuan kepada para pelajar IPTA sebagai audiens akhbar yang hanya mengguna PC untuk mengakses Internet.

Dapatan kajian ini menyokong kenyataan di atas dengan majoriti yang tinggi yakni 87% responden bersetuju bahawa mereka menggunakan akhbar cetak berbanding akhbar dalam talian kerana mudah dibawa dan dibaca di mana-mana sahaja. Hanya 10%

berkecuali dengan soalan soal selidik ini sementara 2% tidak bersetuju dengan hanya 1% menjawab sangat tidak setuju.

Dapatan data yang hampir sama diperoleh dari soalan yang menyatakan bahawa responden menggunakan akhbar cetak kerana dapat dibaca tanpa bantuan alat lain dan tanpa gangguan seperti bekalan elektrik terganggu. Sebanyak 81% bersetuju, 10% berkecuali dan hanya 9% tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

5.4. REAKSI AUDIENS

Jadual 5.11 menunjukkan reaksi audiens akhbar terhadap aspek penting kajian ini iaitu reka bentuk akhbar.

Reaksi responden terhadap penggunaan visual dan perekaan grafik akhbar memberi satu gambaran keberkesanan reka bentuk halaman akhbar. Jadual 5.11 meninjau aspek ini selain pemilihan rupa taip, kontras, serta tindakan-tindakan yang boleh meningkatkan kadar keterbacaan teks.

Analisis menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan kenyataan bahawa penggunaan visual dan perekaan grafik dapat menyerikan lagi halaman akhbar. Majoriti responden bersetuju walaupun peratusan hanya mencecah angka 10% sangat setuju dan 35% setuju dengan soalan kajian. Peratusan yang tidak setuju pula diwakili oleh 28% dengan 4% daripadanya sangat tidak setuju.

Jadual 5.11 : Reaksi Audiens Akhbar terhadap Reka Bentuk Akhbar

PERKARA	1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)
Akhbar Cetak					
Penggunaan visual dan perekaan grafik yang menarik	10	35	27	24	4
Kadar keterbacaan teks tinggi kerana mudah membaca ayat, perenggan atau teks	28	60	7	5	0
Penggunaan rupa taip yang sesuai. Pilihan rupa taip (font/typeface) yang sesuai	17	60	14	9	0
Paparan halaman akhbar yang menarik dengan kepelbagaian rupa, berat, dan saiz teks yang berkesan	10	51	28	9	2
Penggunaan penekanan yakni kontras dalam saiz, isi teks, dan teks lain yang sesuai	8	52	30	10	0
Penggunaan lajur atau kolum dan panjang baris yang sesuai	8	50	30	12	0
Akhbar Dalam Talian					
Memiliki elemen-elemen multimedia (teks, grafik, audio, video, dan animasi) yang menarik	18	63	13	6	0
Kadar keterbacaan teks yang baik	8	50	25	17	0
Pengemudian halaman yang baik	7	46	35	11	1

Dapatan kajian mendapati tiada masalah kepada responden semasa membaca akhbar cetak. Kadar keterbacaan akhbar cetak berada pada tahap yang tinggi. Ini jelas dengan tidak ada seorangpun responden menjawab sangat tidak setuju. Peratusan yang tidak setuju juga rendah dengan hanya 5% sementara 7% berkecuali dengan soalan ini. Sejumlah 88% responden bersetuju menyatakan bahawa kadar keterbacaan teks akhbar cetak adalah tinggi dengan 28% daripadanya sangat setuju.

Pemilihan rupa taip yang sesuai juga mempengaruhi kelancaran pembacaan dan seterusnya mempengaruhi kadar keterbacaan. Dapatan kajian yang hampir sama diperoleh daripada responden dengan 77% bersetuju menyatakan penggunaan rupa taip yang sesuai bagi teks akhbar cetak.

Sejumlah 61% responden menyatakan bahawa paparan halaman akhbar cetak menarik dengan kepelbagaian rupa teks, berat, dan saiz teks yang digunakan berkesan. Sementara aspek penggunaan lajur dan panjang baris juga menampakkan keberkesanan dengan peratusan bersetuju yang tinggi dengan 58%. Penggunaan penekanan iaitu kontras pada halaman akhbar juga mencerminkan situasi yang sama dengan 60% responden bersetuju dengan keberkesanannya.

Reaksi audiens akhbar terhadap akhbar dalam talian pula menunjukkan bahawa 82% responden menyatakan bahawa akhbar dalam talian memiliki elemen-elemen multimedia yang menarik dengan 18% daripadanya sangat setuju dengan kenyataan ini. Namun, reaksi responden ini tidak menggambarkan lima elemen multimedia yang dinyatakan iaitu teks, grafik, audio, video, dan animasi disebabkan tidak semua elemen ini ada dalam satu-satu halaman akhbar dalam talian. Lazimnya, akhbar dalam talian

hanya menggunakan elemen teks dan grafik dalam halaman akhbar. Reaksi responden mungkin mencerminkan dua elemen ini sahaja.

Kadar keterbacaan teks akhbar menunjukkan satu gambaran yang jelas di antara akhbar cetak dengan akhbar dalam talian. Peratusan bersetuju kadar keterbacaan teks tinggi akhbar cetak mencecah 88%, akhbar dalam talian hanya menunjukkan peratusan tidak sampai 60% iaitu hanya 58% sahaja bersetuju. Secara detail perbandingan kedua-dua edisi menunjukkan 28% responden sangat setuju menyatakan kadar keterbacaan teks tinggi berbanding hanya 8% bagi akhbar dalam talian. Peratusan bersetuju juga mencerminkan kadar keterbacaan akhbar cetak lebih baik berbanding akhbar dalam talian dengan 60% bersetuju kadar keterbacaan akhbar cetak tinggi berbanding 50% akhbar dalam talian. Namun, tidak ada responden yang menjawab sangat tidak setuju bagi kedua-dua edisi akhbar. Hanya 5% tidak setuju bagi akhbar cetak berbanding 17% akhbar dalam talian.

Peratusan yang menyatakan bahawa aspek pengemudian akhbar dalam talian baik juga tinggi dengan 46% bersetuju dan 7% sangat tidak setuju mencerminkan aspek ini tidak membawa masalah yang besar kepada audiens akhbar.

**Jadual 5.12 : Pilihan Subjek/Perkara Mengikut Kepentingan Halaman Pertama
Akhbar Cetak**

PERKARA	1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)
Kepala Berita/ <i>Masthead</i> (nama akhbar)	65	27	5	2	1
Gambar Utama dan kapsyen	26	52	13	8	1
Berita Utama	43	36	13	7	1
Iklan	4	23	19	29	25
Iklan Acah/ <i>Teasers</i>	10	17	26	33	14

Jadual 5.12 menunjukkan data yang menggambarkan pilihan responden terhadap perkara yang ada di dalam halaman pertama akhbar cetak. Sudah menjadi lazim pembaca akan melihat perkara yang di atas dahulu sebelum yang di bawah. Oleh itu, jelas di sini responden kajian akan melihat *masthead* dahulu sebelum perkara di bawahnya. Responden akan membaca berita utama yang terletak di atas dengan penegasan seperti tajuk berita yang bersaiz besar sebelum mambaca berita-berita lain. Responden melihat gambar utama dan kapsyen sebelum melihat grafik lain dalam iklan dan *teasers* kerana saiz gambar yang lebih besar dan penekanan yang diberikan terhadap gambar utama.

Satu faktor yang mempengaruhi pilihan responden melihat unsur-unsur dalam sehalaman akhbar ialah peletakan elemen-elemen pada ruang tertentu dalam sehalaman akhbar selain unsur kontras, warna, dan penegasan yang lain.

5.5. PANDANGAN DAN CADANGAN

Set soal selidik mengandungi soalan yang memerlukan responden mengisi ruang kosong yang disediakan. Bagi soalan berkenaan dengan masalah yang sering dihadapi ketika

melawat akhbar dalam talian, audiens akhbar yang ditinjau kebanyakannya mengemukakan masalah yang sama iaitu *server down* dan lambat untuk memuat turun. Seorang responden menyatakan bahawa *hyperlink* ketika melawat akhbar dalam talian merupakan masalah yang mengganggu.

Kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka menggunakan kedua-dua edisi, akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Namun, kebanyakan responden memilih menggunakan akhbar cetak berbanding akhbar dalam talian. Alasan yang diberi termasuklah selesa dibaca dalam apa juga keadaan, lebih banyak berita, maklumat, gambar, dan iklan.

Berita terkini, pautan, dan paparan grafik yang menarik serta undian pembaca mengenai sesuatu isu atau topik merupakan perkara yang menarik perhatian ketika melawat akhbar dalam talian yang dinyatakan oleh responden.

Berikut di kemukakan lagi beberapa pandangan responden mengenai masa depan akhbar cetak dan akhbar dalam talian:

- Akhbar cetak akan terus diterima dan kekal sifatnya yang memudahkan pembaca untuk menikmati keistimewaan komunikasi bercetak dengan reka bentuk yang menarik dan sudah sehati dengan kehidupan manusia. Sementara akhbar dalam talian akan terus berkembang seiring dengan perkembangan teknologi, inovasi, tahap kesedaran teknologi maklumat dan akses yang meluas.

Berikut dinyatakan cadangan yang diutarakan responden melalui soalan berstruktur dengan hujung terbuka:

- Akhbar dalam talian perlu bersifat lebih mesra pengguna, mudah dimuat turun, lebih terkini dan mempunyai pautan yang meluas dengan akhbar atau arkib dalam talian di luar negara. Akhbar dalam talian seharusnya memiliki sesuatu yang berbeza dengan akhbar cetak seperti memberi maklumat yang lebih berobjektif kepada khalayak.

5.6 DATA KUALITATIF

Data kualitatif diperoleh melalui aktiviti temu bual bersemuka dengan 10 orang responden lain. Kaedah soal selidik secara temu bual bersemuka bertujuan mengumpul data secara langsung daripada audiens akhbar yang menggunakan akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Temu bual dilakukan terhadap responden yang pernah melawat akhbar dalam talian yang dikaji iaitu *Berita Harian Online* dan *Harakahdaily* dan membaca akhbar edisi cetaknya. Untuk lebih berkesan, pengkaji membawa akhbar cetak dan mencetak akhbar dalam talian yang dikaji semasa temu bual dijalankan. Sebahagian temu bual dilakukan di makmal komputer yang mempunyai akses Internet dan responden melayari akhbar dalam talian yang dikaji. Soalan berkisar kepada reaksi responden terhadap aspek reka bentuk kedua-dua edisi akhbar yang dikaji.

Responden temu bual terdiri daripada pelajar IPTA berumur di antara 23 hingga 26 tahun dengan tiga orang perempuan dan tujuh orang lelaki, seorang berbangsa Cina dan selebihnya berbangsa Melayu. Berikut dinyatakan pandangan responden:

5.6.1. Akhbar Cetak *Berita Harian* (halaman pertama)

- Perekaan grafik yang menarik dengan unsur gambar dan teks direka letak secara tersusun. Reka letak halaman pertama yang konsisten tanpa perubahan besar yang mewujudkan identiti akhbar berkenaan. Perekaan grafik dapat menyerikan halaman pertama akhbar *Berita Harian*.
- Penggunaan visual yang baik dengan satu gambar besar berwarna yang berkualiti. Gambar pada *teasers* juga dapat menarik perhatian pembaca untuk mengetahui berita selanjutnya di dalam akhbar. Tajuk akhbar sahaja yakni teks tidak dapat menarik perhatian pembaca melihat ruangan *teasers*. Sementara kapsyen gambar dapat menerangkan kenyataan tentang gambar dan ini sebagai maklumat penting berita yang ingin disampaikan.
- Kadar keterbacaan berita yang baik walaupun saiz rupa taip kecil. Cadangan responden ialah membesarkan saiz teks berita kepada 10 poin. Jarak antara baris (leading) teks sesuai dengan panjang baris berita yang membawa kepada kadar keterbacaan yang tinggi.
- Pemilihan rupa taip yang baik meningkatkan kadar keterbacaan berita. Rupa taip Times New Roman amat sesuai untuk teks berita walaupun saiz poin sekecil 9 poin. Walaupun menggunakan rupa taip yang sama bagi tajuk berita dan teks berita, tajuk berita menarik dengan kepelbagaian saiznya yang mewujudkan perbezaan atau kontras antara tajuk dan teks. Penggunaan penjajaran teks bagi tajuk berita yang berbeza iaitu jajaran kiri bagi tajuk berita yang besar saiz poin dan jajaran seimbang bagi tajuk berita bersaiz poin

kecil dapat mewujudkan kontras yang nyata di antara unsur teks tajuk berita dan teks berita.

5.6.2. Akhbar Cetak *Harakah*

- Sesuai dengan akhbar tabloid, teks dan gambar agak terhad ruang pada halaman pertama. Gambar akan lebih kecil dan kurang jelas sekiranya teks berita panjang. Gambar kurang berkualiti digunakan seperti *Harakah Bil.* 1210 (1 - 15hb. Mac 2002) yang memaparkan gambar Sultan Kedah menziarahi kubur Ustaz Ibrahim Libya. Namun, kapsyen di bawahnya serba sedikit menjelaskan maksud gambar. Walau bagaimanapun, perekaan grafik akhbar masih menarik perhatian pembaca.
- Penggunaan rupa taip akhbar *Harakah* masih pada kadar keterbacaan yang baik walaupun lebar kolum yang hanya selebar 10 poin. Penggunaan rupa taip Times New Roman dengan *leading* dan panjang baris kolum yang sesuai mempengaruhi kadar keterbacaan berita yang baik.
- Kontras dapat dilihat dengan penggunaan warna bagi latar belakang untuk membezakan berita menjadikan perekaan grafik yang menarik. Walau bagaimanapun, cetakan warna akhbar ini kurang kualiti dengan wujud pertindihan warna atau pisah warna yang tidak baik.
- Rupa taip berbeza digunakan bagi membezakan teks tajuk berita dan teks berita. Tajuk berita digunakan rupa taip san serif sementara berita digunakan rupa taip serif mewujudkan kontras yang menarik.

5.6.3. *Berita Harian Online*

- Elemen-elemen multimedia tidak membantu sebagai tarikan pelawat. Hanya unsur grafik dan teks digunakan dan sedikit persembahan animasi gif yang menarik (pergerakan). Tidak menggunakan elemen-elemen multimedia dengan berkesan untuk persembahan yang lebih menarik. Tiada elemen video, audio, dan animasi.
- Aspek pengemudian memuaskan dengan pengguna boleh kembali ke halaman utama dan boleh dihubungkan dengan e-media dan akhbar dalam talian yang lain di bawah NSTP Berhad.
- Pemilihan rupa taip yang baik dengan jenis san serif yang senang dibaca dalam saiz poin yang kecil. Pembacaan di atas skrin berbeza dengan akhbar cetak, dengan itu penggunaan rupa taip Arial sedikit sebanyak membantu pembacaan. Namun, panjang baris yang terlalu lebar menyukarkan pembacaan tambahan pula jarak antara baris (leading) yang kecil. Sebagai contoh berita IT yang panjang baris selebar halaman akhbar berkenaan (lebar skrin komputer). Aksara atau perkataan dalam satu baris harus dihadkan kepada jumlah tertentu bagi meningkatkan kadar keterbacaan teks berita halaman akhbar dalam talian.
- Penggunaan warna memadai dengan tidak terlalu banyak warna digunakan. Warna teks hanya terhad kepada dua iaitu hitam dan biru pada latar belakang putih. Sementara itu, warna teks putih pada latar belakang bewarna mampu mewujudkan kontras yang menarik.

- Penggunaan visual dan perekaan grafik yang berkesan dengan reka letak gambar dan unsur-unsur lain yang menarik.

5.6.4. *Harakahdaily*

- Kadar bacaan teks lebih tinggi dengan panjang baris teks berita yang pendek.
- Penggunaan rupa taip san serif membantu kelancaran proses pembacaan.
- Halaman pertama akhbar yang terlalu panjang menyukarkan pembaca yang terpaksa menggunakan bar.
- Penggunaan visual dan perekaan grafik laman ini memuaskan dengan gabungan unsur yang menarik.
- Elemen multimedia iaitu video dan audio terdapat dalam laman ini merupakan percubaan yang baik bagi mewujudkan pilihan kepada pengunjung. Pelawat boleh menonton video dengan mengklik Web TV. Walaupun paparannya tersekat tetapi ia suatu alternatif bagi pengunjung.

Demikianlah reaksi responden yang ditemu bual secara bersemuka terhadap penggunaan akhbar cetak dan akhbar dalam talian yang dikaji. Pandangan terhadap aspek reka bentuk kedua-dua edisi akhbar menyokong tinjauan melalui set soal selidik terutamanya aspek reka bentuk yang diberi tumpuan dalam kajian ini. Daripada temu bual juga dapat dikumpul satu cadangan daripada responden antaranya:

- Halaman pertama akhbar dalam talian harus ringkas supaya cepat untuk dimuat turun.

- Lebih banyak elemen-elemen multimedia dalam akhbar dalam talian kerana itu merupakan kekuatan yang memberi pilihan kepada pelawat. Cubaan *Harakahdaily* merupakan usaha yang baik mewujudkan Web TV yang membolehkan pelawat melihat video dan mendengar audionya.
- Pilihan rupa taip, saiz, dan *leading* harus sesuai dengan pembacaan di atas skrin. Kadar pembacaan teks kurang memuaskan memungkinan kadar keterbacaan yang rendah dan menyebabkan pelawat sukar membaca dan keluar dari laman akhbar tersebut. Panjang baris teks berita harus dihadkan kepada 70 aksara termasuk ruang kosong antara aksara supaya pembaca tidak hilang punca mencari baris berikutnya.
- Pengemudian menjadi penentu halaman akhbar dalam talian mesra pengguna atau tidak. Pelawat harus ditunjukkan arah bagi menerokai halaman-halaman akhbar dalam talian. Perlu ada pautan di antara halaman-halaman supaya pelawat dapat kembali ke halaman utama.
- Reka bentuk akhbar cetak tidak memberi masalah yang besar kepada pembaca. Mungkin sudah sebatu dengan audiens akhbar yang menjadikannya lebih mudah dibaca dalam segala situasi. Latar belakang berwarna putih dengan teks berwarna hitam lebih mudah dibaca berbanding latar belakang berwarna walaupun warna yang lembut. Kontras dapat diwujudkan dengan garisan dan kotak tetapi bukan warna latar belakang. Gambar berwarna harus jelas dan saiznya tidak terlalu kecil sehingga mematikan minat pembaca menatapnya dan gambar tersebut tidak dapat menceritakan sesuatu.

5.7 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada komen, pandangan, dan cadangan responden, akhbar cetak masih kebal sebagai raja penyebaran maklumat di kalangan pelajar berdasarkan kepada pilihan utama akhbar cetak berbanding akhbar dalam talian. Sifat mudah yang ada dalam akhbar cetak seperti mudah dibaca, mudah diguna, mudah dibawa, menjadi kekuatan akhbar ini. Kekuatan akhbar dalam talian yang boleh mendapatkan berita dan maklumat melepasi sempadan negara dan tiada halangan masa masih tidak dapat dimanfaatkan oleh audiens akhbar lantaran kesukaran mengakses Internet akibat *server down* - gangguan yang sering dihadapi berdasarkan dapatan kajian ini. Masalah memuat turun laman akhbar dalam talian seharusnya diatasi oleh pihak pengusaha akhbar dengan menjadikan lebih mesra pengguna dengan memperkemaskan aspek pengemudian.

Dalam tempoh waktu terdekat, akhbar cetak akan terus menjadi perhatian dan mendapat sambutan berdasarkan kepada mudah dibawa dan dibaca di mana-mana. Pembacaan di atas kertas atau bercetak lebih mudah tanpa gangguan, tambahan pula teknologi percetakan yang maju meminimumkan gangguan aspek percetakan. Penerbitan atas meja (*desktop publishing*) dengan perisian termaju digunakan dalam proses reka bentuk menjadikan akhbar cetak menarik dengan *layout* yang berkesan. Penggunaan visual dan perekaan grafik yang digunakan dapat menarik perhatian pembaca. Sementara akhbar dalam talian masih terlalu muda bagi audiens akhbar dan perlu lebih masa untuk setanding dengan keistimewaan yang ada dalam akhbar cetak. Reka bentuk yang menarik dengan elemen-elemen multimedia sahaja tidak memadai sekiranya capaian Internet dan gangguan tidak diatasi oleh pihak terbabit.